



KENYATAAN MEDIA

AKTIVITI KEAGAMAAN DI MASJID DAN SURAU DALAM NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN TAHUN 2022

Menjunjung titah perintah dan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, Sultan dan Yang Dipertuan Bagi Negeri Terengganu Darul Iman serta segala jajahan takluknya selaku Ketua Agama Islam Negeri Terengganu berhubung Aktiviti Keagamaan Di Masjid Dan Surau dalam Negeri Terengganu Darul Iman.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan menzahirkan rasa kebimbangan dengan situasi kehadiran dan sikap segelintir sambil lewa jemaah lelaki yang mukallaf ke masjid terutama pada hari Jumaat bagi menunaikan solat Jumaat, maka Mesyuarat Khas Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu Kali Pertama 2022 yang bersidang pada 11 Januari 2022, dengan ini mengambil keputusan dan ketetapan bersetuju supaya semua masjid dan surau dalam Negeri Terengganu mengambil tindakan seperti berikut:-

- a) Semua masjid **DIKEHENDAKI** menyediakan kanopi yang mencukupi di ruang luar samaada di kawasan parkir masjid atau mana-mana ruang kosong yang bersesuaian bagi memberi peluang lebih ramai jemaah dapat mendirikan solat Jumaat.

- b) Jawatankuasa masjid perlu memainkan peranan yang berterusan untuk menggalakkan ahli qaryah hadir ke masjid untuk menunaikan solat Jumaat.
- c) Mana-mana masjid yang mempunyai ruangan solat bertingkat, ianya hendaklah dibuka dan diguna sepenuhnya untuk kegunaan solat Jumaat.
- d) Semua ahli jawatankuasa masjid dan surau **DIKEHENDAKI** memastikan **Prosedur Operasi Standard (SOP) Kesihatan Dan Keselamatan** yang ditetapkan dipatuhi dan dilaksanakan dengan sebaiknya.
- e) Penggunaan pengimbas suhu **TIDAK DIWAJIBKAN**.
- f) Semua jemaah **DIWAJIBKAN** merekodkan butiran diri dengan menggunakan aplikasi MySejahtera atau ditulis di dalam buku yang disediakan oleh Masjid dan Surau di pintu masuk masjid atau surau.
- g) Bacaan Qunut Nazilah ketika melaksanakan solat Jumaat dan solat Hajat selepas solat Jumaat **DITAWAQQUFKAN**.
- h) Mana-mana masjid atau surau yang dikenakan arahan penutupan di bawah Seksyen 18 (1) (d) Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) **TIDAK DIBENARKAN** melaksanakan apa-apa aktiviti sepanjang tempoh penutupan.


- i) Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) melalui semua Pejabat Agama Daerah **DIKEHENDAKI** membuat pemantauan kehadiran ahli qaryah lelaki ke masjid untuk solat Jumaat.
- j) Sebarang perubahan akan dimaklumkan dari masa ke semasa tertakluk kepada arahan pihak berkuasa.

Baginda menyeru supaya rakyat jelata sentiasa mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) dengan menjaga kebersihan dan keselamatan diri dan keluarga bagi mengurangkan peningkatan kes positif Covid-19.

Baginda juga memohon supaya seluruh rakyat jelata terutama muslimin dan muslimat teruskan bermunajat, berzikir, beristighfar dan berselawat ke atas Junjungan Nabi Muhammad Shallallahu 'Alaihi Wasallam dan memperbanyakkan doa supaya wabak ini diangkat oleh Allah Subahanu Wataala.

Baginda berdoa semoga semua rakyat jelata sentiasa berada di dalam kerahmatan dan perlindungan Allah Subhanahu Wataala.

Menjunjung titah,



DATO' HAJI SHAIKH HARUN BIN SHAIKH ISMAIL

YANG DIPERTUA

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU

17 FEBRUARI 2022M BERSAMAAN 15 REJAB1443H